

**SIARAN AKHBAR
UNTUK SIARAN SEGERA**

**LATIHAN SIMULASI KEMALANGAN TINGKAT TAHAP KECEKAPAN PENGENDALI
LPT 1 DAN AGENSI KESELAMATAN**

Kuantan, 10 Disember 2019 - Syarikat konsesi Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), ANIH Berhad hari ini mengadakan satu Latihan Simulasi Kemalangan di Plaza Tol Kuantan, Pahang.

Latihan ini diadakan bagi menilai tahap kesediaan dan kecekapan kakitangan syarikat bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dalam menguruskan kecemasan dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) menerusi Pasukan Unit Bahan Berbahaya (HAZMAT), Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan dan lain-lain agensi berkaitan.

Ia membabitkan 90 petugas dari 6 agensi kerajaan di sini yang berperanan menggerakkan modus operandi menyelamatkan pada waktu kecemasan. Hadir sama Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali Sulaiman, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Asas, Sistem Penyampaian Awam dan Inovasi Negeri Pahang.

Selain itu, latihan itu juga diadakan untuk menilai tahap keberkesanan komunikasi di antara ANIH Berhad dan semua agensi terlibat khususnya dalam aspek penyebaran maklumat insiden kepada pengguna lebuhraya menerusi platform Twitter, Facebook dan papan tanda elektronik (VMS).

Dalam simulasi kemalangan itu, sebuah lori tangki membawa muatan bahan kimia (asid hidroklorik) mengalami kerosakan sistem brek dan terbabas hingga melanggar sebuah kereta di Plaza Tol Kuantan. Impak perlanggaran itu telah menyebabkan tangki muatan bahan kimia yang dibawa lori berkenaan bocor dan tumpah ke atas permukaan jalan. Pemandu lori bersama kelindannya pula cedera parah manakala pemandu kereta hanya mengalami kecederaan ringan.

Semasa latihan berkenaan, kemahiran dan pengetahuan pegawai ANIH Berhad bersama anggota penyelamat dizahirkan bersama-sama bagi melancarkan pelaksanaannya.

Operasi tersebut disifatkan berjaya apabila setiap pasukan memainkan peranan masing-masing dalam melaksanakan tugas mengikut proses prosedur tindakan tatacara operasi yang ditetapkan bagi menyelamatkan mangsa ketika kecemasan.

Tamat.

Tentang ANIH Berhad

ANIH Berhad adalah pemegang konsesi Lebuhraya Pantai Timur (LPT) yang merangkumi komponen Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak (KLK) dan Lebuhraya Pantai Timur Fasa 1 (LPT 1), sepanjang 250 kilometer (KM). Bermula dari Gombak di KM 19.2 Lembah Klang hingga ke Jabor di KM 250 Terengganu, LPT menyingkatkan masa perjalanan, dari Lembah Klang ke bandar-bandar utama di sebelah Pantai Timur, terutamanya Kuantan. Operasi tol dan penyenggaraan rangkaian-rangkaian lebuhraya ANIH Berhad diurus oleh Kumpulan MTD.

Untuk pertanyaan, sila hubungi:

1. Fazlyaton Hussein, Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan
fazlyaton.hussein@mtdgroup.com.my
2. Ahmad Farizal Abdul Hajar, Pengurus, Komunikasi Korporat Kumpulan
farizal.hajar@mtdgroup.com.my
3. Sofia Roseli, Eksekutif Kanan, Komunikasi Korporat Kumpulan
sofia.roseli@mtdgroup.com.my

**Siaran Akhbar dikeluarkan bagi pihak ANIH Berhad oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan
Kumpulan MTD**

Menara MTD, 1, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Tel : 03-6195 1111 Fax : 03-6187 5055 Website : www.mtdgroup.com.my